



# BINA PURI HOLDINGS BHD

## PRESS RELEASE

Berita Harian, 21 March 2007

# Bina Puri raih kontrak RM1.4b di Thailand

## Syarikat mahu teroka pasaran Pakistan, Abu Dhabi dan Russia

Daripada Zuraidah Mohamed di Bangkok

**B**INA Puri Holdings Bhd, menerusi anak syarikatnya Bina Puri (Thailand) Ltd kini mempunyai kontrak bernilai RM1.4 bilion di Thailand membabitkan 10 projek perumahan.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Mohamed Feisal Ibrahim, berkata ini termasuk projek terbaru, iaitu pembinaan 1,800 unit rumah kos rendah bernilai RM54 juta yang diraihnya daripada Pihak Berkuasa Perumahan Kebangsaan Thailand (NHA).

Perjanjian bagi kontrak itu akan dimeterai syarikat itu hari ini.

Mohamed Feisal berkata, Bina Puri Thailand kini sedang membina kira-kira 30,000 unit rumah kos rendah dan berkembar dua tingkat di beberapa wilayah negara itu, termasuk di Bangkok, Samutprakarn, Rayong dan Samutsakhon yang dijangka siap sepenuhnya pada 2008.

Pada 8 Mac lalu, Bina Puri telah memeterai perjanjian dengan Wondera Co Ltd bagi kontrak membina enam blok kondominium 2,730 unit di Daerah Suang Luang bernilai RM63.78 juta.

"Adalah menjadi strategi syarikat untuk mengembangkan perniagaan pembinaan dengan meneroka pasaran antarabangsa sejajar dengan galakan kerajaan Malaysia.

"Kami akan terus membida untuk pakej tambahan jika harga dan margin keuntungannya adalah menarik. Pada masa sama, kami akan menerokai peluang kontrak daripada pihak swasta bagi projek infrastruktur seperti lebuh raya, pangsapuri dan kondominium," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran pejabat serantau Bina Puri bernilai RM1.3 juta yang disempurnakan Dutta Malaysia ke Thailand, Datuk Sharani Ibrahim, di Bangkok semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan Bina Puri, Tan Sri Tee Hock Seng; Penasihat kepada Pengerusi Deva Properties Co Private Ltd, Churairat E Bonython dan Pengerusi

Eksport Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank), Tan Sri Othman Mohd Rijal.

Mohamed Feisal berkata, syarikatnya juga sedang menerokai peluang projek di pasaran lain termasuk Mongolia, Pakistan, Abu Dhabi, Libya dan Russia.

"Kini kami sedang dalam peringkat rundingan bagi projek pembinaan hotel di Mongolia yang bernilai AS\$30 juta dan projek perumahan di Libya," katanya.

Mohamed Feisal, berkata 30 peratus daripada pendapatan syarikat itu berjumlah RM490 juta disumbangkan projek luar negara dan kebanyakannya adalah dari Thailand.

Beliau berkata, keseluruhan projek dalam tangan syarikat itu di Malaysia dan luar negara ketika ini adalah berjumlah RM2.3 bilion yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun dan ia turut membida projek bernilai RM3 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

### FAKTA NOMBOR

Projek perumahan Bina Puri Holdings

1,800

Rumah kos rendah

RM54j

Kos pembinaan

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor

Corp Communications Dept

**BINA PURI HOLDINGS BHD**

Tel : 03-6136 3333 (3005)

Fax : 03-6136 9999

E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)